

B U L E T I N

# HORIZON



Edisi ke 4 | Mei 2010

Profesor Dato' Dr Aziuddin Ahmad Terajui KUIS

## Pengalaman Industri, Akademik Sinergi Lonjak Kecemerlangan KUIS



Prof Dato' Dr Aziuddin... pengalaman industri dan akademik pemangkin lonjak imej KUIS.

**B**ekas Profesor Pengurusan Risiko, Graduate School of Management (GSM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dilantik sebagai Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), berkuatkuasa 1 April, 2010.

Beliau dipilih menggantikan Dato' Haji Mohd Adanan Isman yang menamatkan perkhidmatan sebagai Rektor, sejak 2002. Pelantikan Prof Dato' Dr Aziuddin selepas melalui proses tapisan di peringkat Jawatankuasa Pemilih ke jawatan Rektor diketuai Pengurus Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dato' Setia Mohd Adzib Haji Isa dan diperakuan Lembaga Pengarah KUIS yang dipengerusikan Dato' Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Prof Dato' Aziuddin merupakan Rektor ketiga KUIS, selepas Dato' Haji Mohd Adanan Isman (2002-Mac 2010) dan Allahyarham Dr Zainuddin Jaffar yang pernah menerajui Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR) sebagai Presiden antara tahun 1996 hingga 2001.

Prof Dato' Aziuddin dilahirkan di Kuala Selangor pada 15 Jun 1955 berkhidmat di GSM UPM sehingga 28 Februari, 2010. Beliau juga merupakan Profesor Adjung, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya dan bertanggungjawab sebagai Pengajar (*Instructor*) Pengasas dalam tiga bidang utama, iaitu Kewangan Islam, Pengurusan Risiko (*Risk Management*) dan *Human and Corporate Governance*. Fokus penyelidikan beliau bertumpu dalam aspek pengurusan risiko, kepimpinan, urustadbir korporat, ekonomi-politik, kewangan Islam dan pembangunan ummah.

Selain itu, beliau juga menjawat pelbagai jawatan penting sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat dan agensi kerajaan, antaranya MEMS Technology Bhd, sebuah syarikat Lembaga Tabung Haji; Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (LZS); MAIS Zakat Sdn Bhd; Akademi Zakat Selangor (Pengerusi); Pengarah Bebas ValueCap Sdn Bhd dan i-VCap Sdn Bhd. Prof Dato' Dr Aziuddin juga merupakan Penasihat Korporat (Kurikulum) Institut Pendidikan Tinggi Al-Bukhary (2002-2008).

Berpengalaman luas dalam bidang industri, Prof Dato' Aziuddin pernah menjawat pelbagai jawatan Pengarah dalam lebih 15 sektor korporat, sejak mulakan kerjaya di Puspati (MINT) dalam tahun 1982. Antara lain, beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengarah, Malaysia Islamic Business Council (2008); Pengarah Pengasas, Institute of Ummah Advancement (2008); Ahli Panel Pelaburan, Lembaga Tabung Haji (2007); Pengarah, Gulf Infrastructure Fund Ltd (2008); Pengarah, Amanah raya Asset Management (2005); Pengarah, Bank Muamalat Malaysia Bhd (2008) dan Pengarah, Express Rail Link Sdn Bhd (Jun 2006).

Prof Dato' Aziuddin menerima anugerah Darjah Kebesaran Sultan Idris Shah (D.S.I.S) daripada DYMM Sultan Idris Shah sempena istiadat keputeraan Sultan Selangor dalam bulan Disember 2007.

Beliau berkelulusan ijazah pertama dari Universiti London, Kings College (1977) dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik; Sarjana dalam bidang Sains Nuklear Reaktor dan Kejuruteraan dari Universiti London, Queen Mary College (1978); manakala ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Reactor Neutron Physics dari Universiti London, Imperial College (1981). Prof Aziuddin juga memperolehi Post-Doctoral Research Fellow dari Universiti London, Reactor Center (1982) dan turut menerima pendidikan Undang-Undang dari Universiti London, Kings College dan dianugerahkan Cameron Waller Prize in Law.

Selain penglibatan dalam dunia akademik, sektor korporat dan industri, Prof Dato' Aziuddin pernah mengikuti program kepimpinan antaranya, INSEAD/International Center for Leadership in Finance – Directors' Forum 2007 dan IMD Lausanne/Khazanah's Malaysian Directors Academy dan IMD Lausanne/Kazanah's Malaysian Directors Academy – Building High Performance Directors 2008.

Sejak pelantikannya, beliau telah menyampaikan dua siri ucapan penting di KUIS, iaitu *Living the Essence Not the Symbols* serta Cabaran KUIS Sebagai Organisasi Islam dan Antarabangsa. Kedua-dua ucapan penting beliau disampaikan di hadapan pengurusan, dekan-dekan, ketua-ketua jabatan dan staf akademik.

*Tinta Pengarang -*

## Bersama Perubahan: Sekali Air Bah, Pantai Pun Berubah

**P**erubahan merupakan satu kemestian dalam kehidupan. Hakikatnya, hanya yang berubah itulah yang kekal dalam kehidupan. Sejak berzaman kita telah menyaksikan perubahan dalam sejarah perkembangan tamadun dan peradaban manusia. Silih berganti antara siang dan malam, pagi dan petang - semuanya menyiratkan mesej perubahan. Contoh paling mudah, usia kita sendiri setiap hari berubah, setiap hari itu juga menandakan kita semakin meniti perubahan seiring perubahan usia kita.

Dalam konteks organisasi KUIS, kita telah menyaksikan pelbagai fenomena perubahan. Dahulu kita bermula sebagai Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR), sebelum dinaiktaraf sebagai KUIS. Kita bermula dengan saiz operasi yang kecil, sebelum berkembang secara evolusi sehingga kini telah memiliki kampus tetap yang indah menarik, jumlah pelajar melebihi 7,000 orang manakala jumlah staf melebihi 500 orang, sebahagian besar merupakan warga akademik.

Perubahan secara bertahap sejak sekian lama telah diterima baik oleh warga KUIS. Mungkin pada peringkat awal, berlaku sedikit tentang tetapi lama kelamaan perubahan yang diperkenalkan diterima baik dan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Penentangan (resistance) bukanlah sehingga boleh membawa kehancuran, sebaliknya terus mematangkan organisasi, warga kerja dan memantapkan budaya kerja.

Bermula 1 April 2010, kita menyaksikan satu lagi perubahan dalam hierarki kepimpinan KUIS. Bekas pensyarah Graduate Studies Management, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dato' Dr Aziuddin Ahmad secara rasmi telah dilantik sebagai Rektor KUIS menggantikan Dato' Haji Mohd Adanan Isman. Peralihan kepimpinan itu telah berlaku secara teratur

dan sistematis - umumnya diterima baik oleh seluruh warga KUIS. Peralihan itu nyata tidak menimbulkan sebarang konflik, tentang dan krisis dalam yang boleh menjaskan fokus kerja dan tahap produktiviti.

Namun, seperti ditegaskan setiap kali peralihan kepimpinan, pasti akan menyaksikan perubahan sama ada dalam sudut stail, penampilan, idealisme, dan cara bekerja. Matlamat tetap sama tetapi cara dan kaedah pasti berbeza. Sudah pasti kita akan menyaksikan kelainan dalam bentuk tindakan dan pendekatan. Semua yang dilakukan semata-mata untuk memastikan matlamat, misi dan visi KUIS dicapai, khususnya bagi memartabatkan KUIS sebagai institusi kecemerlangan ilmu-ilmu bersepada berteraskan Islam.

Sebagai tokoh yang mempunyai latar belakang akademik, industri dan pengalaman luas di peringkat nasional dan jaringan meluas dalam hubungan antarabangsa, seluruh warga KUIS mengharapkan dan berdoa agar Prof Dato' Aziuddin akan berjaya melaksanakan misi dan agenda perubahannya. Dalam konteks ini, sesungguhnya sokongan dan dokongan seluruh warga KUIS amat kritikal dan diperlukan bagi memastikan "nakhoda" baru KUIS ini dapat mengemudi dan memacu institusi ke arah kejayaan yang lebih pesat.

Kita juga mengharapkan sebarang perubahan akan menjana kebaikan dan memastikan kemantapan organisasi. Namun, sama ada perubahan akan diterima secara positif bergantung kepada kesediaan, kesabaran dan keikhlasan seluruh warga KUIS untuk menerima agenda dan misi perubahan. Arakian, kita mestilah akur untuk menerima perubahan kerana bak kata pepatah Melayu, "sekali air bah, sekali pantai berubah." (MSA)

### Hubungi KUIS di Talian Bebas Tol

# 1-800-88-5847

Isnin hingga Jumaat | 8.00 Pagi - 5.00 Petang

## KUIS Jalani Audit Prestasi Akademik (APA)

**S**atu lawatan penilaian Audit Prestasi Akademik (APA) ke KUIS oleh auditor Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah diadakan pada 22 sehingga 24 Februari 2010 yang lalu. Audit Prestasi Akademik (APA) merupakan salah satu projek di bawah program pelaksanaan Pelan Strategik Pengajaran Tinggi Negara untuk mengukur "tahap kesihatan akademik" institusi pengajaran tinggi Malaysia yang akan melibatkan semua institusi pengajaran tinggi bertaraf universiti dan kolej universiti.

Hasil laporan panel penilai audit

berdasarkan semakan dokumen, temubual, lawatan premis dan fasiliti telah memaklumkan bahawa KUIS berada dalam keadaan yang baik. Menerusi laporan panel penilai audit ini juga sedikit sebanyak dapat membantu KUIS dalam memperbaiki kelemahan dan melakukan penambahbaikan ke atas sistem pengajaran dan pembelajaran.

Audit prestasi akademik ini juga adalah selaras dengan visi dan misi KUIS untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada para pelajar menerusi program-program yang mempunyai akreditasi

penuh MQA.

Objektif audit prestasi akademik ini nanti akan melayakkan sesebuah institusi untuk mendapat status SWA Akreditasi dimana IPT mempunyai autoriti untuk mengakreditasi sendiri program pengajian tanpa perlu mendapat kelulusan MQA dan KPT.

Sepanjang tempoh audit tersebut seluruh warga KUIS telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam memastikan perjalanan audit berjalan dengan lancar dan sempurna.

*Sidang Pengarang*

**Penangung** Prof.Dato' Dr Aziuddin Ahmad, Rektor KUIS

**Editor Perunding** Mohd Shah Abdullah

**Wartawan** Nur Adzlin Ishak

M.Fadlihisham M. Rashidi

**Perunding Grafik** Mohd Baihaqi Ramli

**Jurugambar** Mohd Amin Tumirin

**Penerbit** JPK KUIS

**Pencetak** Epos Print Sdn.Bhd.

Segala isi kandungan di dalam percetakan ini adalah hak milik KUIS dan pemberi maklumatnya. Apa-apa jenis penggunaan yang lain termasuklah peniruan, pengubahsuaian, pengedaran, penyiaran, penerbitan semula adalah dilarang sama sekali.

## KUIS Raih Pingat Anugerah Rekacipta & Inovasi

**K**UIS yang diwakili enam orang pensyarah Fakulti Teknologi dan Sains Informasi dan seorang pensyarah Akademi Islam telah berjaya meraih satu pingat emas dan dua pingat gangsa Anugerah Rekacipta dan Inovasi sempena Ekspo Teknologi Malaysia yang telah diadakan pada 4-6 Februari lepas.

Pingat emas telah dimenangi menerusi penyelidikan bertajuk "Andalusia Intelligence Digital Interactive Comic on Mobile Learning" yang dibangunkan bersama Encik Md Ridzal bin Md Yusof dan Encik Rosli Mokhtar.

Manakala pingat gangsa pula telah dimenangi oleh kumpulan penyelidik yang diwakili oleh Encik Khirulnizam bin Abdul Rahman, Che Wan Shamsul Bahri Che Wan Ahmad dan Puan Juzlinda Ghazali bertajuk "Online Multimedia Malay Arabic Dictionary (Mobile-based)".

Penyelidikan bertajuk "The Prototype of Andalusia Islamic Civilization Empires" oleh Encik Muhammad Ali Reza bin Ahmad, Encik Md Ridzal bin Md Yusof dan Encik Nur Muizz bin Mohamed Salleh turut meraih pingat gangsa dalam Ekspo tersebut yang telah dianjurkan bersama oleh Malaysian Association Research Scientists (MARS), MOSTI, MSC Malaysia, Nuclear Malaysia dan SIRIM.

Ekspo tersebut yang merupakan acara tahunan diadakan bertujuan mengiktiraf saintis dan penyelidik yang telah mencapai kecemerlangan dalam pengkomersilan penyelidikan dan pembangunan produk atau perkhidmatan.



Encik Muhammad Ali Reza sedang memberikan penerangan kepada Hakim Pertandingan.

Penyertaan dan kemenangan ini sekaligus membuktikan kemampuan KUIS dalam menghasilkan penyelidikan komersil bertaraf antarabangsa setanding IPT lain.

Ekspo tersebut turut menyaksikan sebanyak 500 penyertaan di kalangan IPT tempatan dan luar negara yang mempertandingkan hasil inovasi dan kreativiti masing-masing.

## KUIS Sertai Perarakan Maulidur Rasul 2010

**S**empena sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1431H, KUIS turut menyertai perarakan bagi memperingati perjuangan junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj pada 26 Februari 2010 yang lalu.

Perarakan sejauh 2km yang bermula dari dataran stadium dan berakhir di perkarangan stadium tertutup Malawati telah diadakan melibatkan seramai 122 kontinjen yang terdiri daripada Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta, IPTA, IPTS, Sekolah Menengah serta Institusi masjid dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO's).

Bertemakan "Rasulullah Pemangkin Khaira' Ummah", KUIS turut menyertai perarakan tersebut bersama-sama 7,000 peserta lain diketuai oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor bersama Dif-Dif Kenamaan. Turut menyertai perarakan tersebut, Dato' Setia Haji Mohamed Adzib bin Mohd Isa, Pengurus MAIS.

Kontinjen KUIS telah diketuai oleh Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) Puan Nora'inan bt Bahari bersama-sama 37 orang kakitangan wanita bahagian pentadbiran. Kontinjen KUIS yang diwakili sepenuhnya oleh staf wanita berpakaian serba ungu telah menunjukkan komitmen



BERSEMANGAT... Kontinjen KUIS berarak dalam Perarakan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor di Shah Alam.

yang jitu dan semangat berpasukan yang tinggi semasa perarakan tersebut.

Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1431H/2010 yang disambut dengan suasana meriah dan penuh ukhuwah itu turut mengadakan sesi tazkirah yang telah disampaikan oleh Ustaz Fauzi bin Mustaffa selain diserikan dengan alunan selawat nabi dan persembahan nasyid.

# Dapatkan INFO KUIS melalui SMS! sms KUIS ke 15888 sekarang!

\* Setiap mesej yang diterima akan dicaj RM0.20. Tidak termasuk caj telco



Hantar ke :




# Majlis Sejuta Kasih Seuntai Kenangan...



1. Ketik pertama... Prof Dato' Hj Mohd Adanan Isman mulakan tugas di KUIS pada 2 Januari 2002.
2. Ketibaan Ybhg. Prof Dato' Hj Mohd Adanan Isman diiringi pengurusan ke Majlis Sejuta Kasih Seuntai Kenangan.
3. Bersalaman dengan kakitangan yang hadir.
4. Antara tetamu yang hadir, Ustaz Abd Rahman Abd Ghani dan Ustaz Abdullah.
5. Pengurus majlis yang serasi sedang mengendalikan majlis.
6. Replika model kapal terbang dengan logo KUIS ditempatkan khas buat Ybhg Dato'.
7. Ustaz Mohd Rozie Mohd Rejab memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran bagi memulakan majlis.
8. Dekan Jabatan Pembangunan Mahasiswa, Ustaz Muhd Subari Ramli menyampaikan cenderamata kenangan kepada Ybhg Dato' sambil diperhatikan Ustazah Nora'ian Bahari dan Ustaz Halim Mokhtar.
9. Amanat terakhir Ybhg Prof. Dato' Hj Mohd Adanan Isman.
10. Kumpulan nasyid KUIS mengadakan persembahan mengiringi majlis pada malam tersebut.
11. Cenderamata istimewa dari Timbalan Rektor (Akademik dan Pembangunan Mahasiswa), Ustaz Mohd Khairi Hj Hussin.
12. Timbalan Rektor (Antarabangsa dan Inovasi) turut menyampaikan hadiah kenang-kenangan buat Ybhg Dato'.
13. Sedih... Saudara Raj Ali Zahid Elley menahan kesedihan di atas sebuah perpisahan.
14. Jasamu dikenang... Prof Dato' Hj Mohd Adanan Isman mengetik kad perakam waktunya buat kali terakhir sebagai Rektor KUIS pada 31 Mac 2010.

## KUIS - ISESCO Meterai MoU



*Terjalin... Pengurus Lembaga Pengarah KUIS, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (kiri) dan Prof. Dr Othman al-Tuwajjiri, Setiausaha Agung ISESCO bersamaan simbolik termeterainya perjanjian.*

**B**ANGI - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Pertubuhan Antarabangsa Pendidikan, Saintifik dan Budaya Islam (ISESCO) telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk menubuhkan Pusat Pendidikan Serantau yang akan berpusat di sini.

Majlis menandatangani MoU tersebut telah diadakan di ibu pejabat ISESCO di Rabat, Maghribi pada 18 Februari lalu dan hadir sama ialah Ahli Lembaga Pengarah KUIS, Dato' Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, Mantan Rektor KUIS, Prof. Dato' Mohd Adanan Isman, Dekan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan KUIS, Ustaz Ahmad Ismail dan Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Moden, Ustaz Mohd Nothman Mohd Nor.

Menerusi kerjasama tersebut, KUIS berperanan memperkembangkan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, penterjemahan dan penerbitan dalam bahasa Arab di Malaysia dan rantau Asia. Selain itu, Pusat Pendidikan Serantau berfungsi menyediakan latihan pendidikan dan pengajaran kepada guru-guru bahasa Arab serta kursus persediaan dan pendedahan bahasa Arab kepada pelajar-pelajar yang akan menyambung pengajian di Timur Tengah.

Menteri Besar Selangor merangkap Pengurus Lembaga Pengarah KUIS, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim telah menandatangani MoU tersebut bagi pihak KUIS dan Kerajaan negeri Selangor manakala pihak ISESCO diwakili oleh Prof. Dr Othman al-Tuwajjiri selaku Setiausaha Agung.

Menurut beliau penubuhan Pusat Pendidikan Serantau ini juga selaras dengan hasrat kerajaan negeri Selangor untuk menjadi hab pendidikan tinggi di Malaysia.

"Saya percaya penubuhan Pusat ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada KUIS tetapi sesiapa sahaja samada di Malaysia ataupun negara-negara jiran menerusi kemudahan dan kepakaran yang disediakan oleh pihak ISESCO," katanya.

"Dengan adanya Pusat Pendidikan Serantau ini diharapkan agar KUIS terus berperanan secara aktif dan progresif memartabatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Arab sebagai bahasa antarabangsa setanding bahasa dunia lain."

Pejabat ISESCO ini yang akan beroperasi sepenuhnya pada bulan Oktober depan di KUIS akan mula menganjurkan beberapa siri Seminar Antarabangsa dalam bidang pengajaran bahasa Arab dan pengajian Islam.

ISESCO yang berpusat di Maghribi dianggotai 44 negara Islam seluruh dunia yang berperanan meningkatkan persefahaman dan kerja sama antara negara anggota mengenai kedamaian dan keselamatan menerusi pendidikan, sains, budaya dan komunikasi.

## Hari Terbuka KUIS Meriah

**J**abatan Pembangunan Korporat dengan kerjasama fakulti pengajian telah menganjurkan Hari Terbuka bagi memudahkan pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM mendapatkan maklumat berkaitan KUIS.

Program yang berlangsung selama 3 hari itu telah diadakan pada 26-28 Mac lalu dan telah mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung terutama para pelajar dan ibubapa sekitar Lembah Klang.

KUIS juga turut menjemput pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah berdekatan untuk menyertai pelbagai program sepanjang Hari Terbuka tersebut. Antara program yang diadakan termasuk pameran pendidikan, pemeriksaan kesihatan, pertandingan fotografi, taklimat pendidikan KUIS, kuiz dan tilawah interaktif.

Selain itu, KUIS juga mengadakan permohonan terbuka khusus kepada pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM yang berminat untuk mengikuti program pengajian yang ditawarkan.

Menerusi program Hari Terbuka ini masyarakat sekitar kampus berpeluang untuk mengenali KUIS dengan lebih dekat lagi terutama berkaitan program-program pengajian yang ditawarkan. Sepanjang program ini berlangsung, seluruh warga KUIS terutama para pensyarah telah memberikan komitmen dan sokongan yang padu bagi menjayakan Hari Terbuka KUIS.

## Aktiviti KUIS Januari - April

### Januari

- 14hb** • Penyampaian Dermasiswa Masjid Al-Azhar
- MoU & MoA KUIS – KITAB, Pulau Pinang
- 15-17hb** • Pameran KPT Stadium Melawati Shah Alam
- 21-22hb** • Lawatan Penilaian MQA Diploma Perbankan Islam Dan Pengurusan Sumber Manusia
- 26hb** • Forum Masjid Al-Azhar: "Relevenkah Kalimah Allah Digunakan Oleh Orang Kristian?"
- 28hb** • Lawatan Dari Institut Al-Quran Terengganu.

### Februari

- 4-6hb** • Pameran Malaysia Technology Expo (MTE 2010) Di PWTC
- 11hb** • Konvoi Promosi Suratkhabar I Luv Islam Oleh Karangkraf
- 18hb** • MoU KUIS – ISESCO
- 22-24hb** • Audit Prestasi Akademik (APA)

### Mac

- 15hb** • Wacana Bersama Tokoh Syeikh Dr Muhibbuddin Waly
- 26hb** • Hari Terbuka KUIS 2010

### April

- 26hb** • Kolokium Penyelidikan Siswazah 2010 (R&D)
- 27-30hb** • Pameran Majlis Tilawah Al-Quran Negeri Selangor
- 28hb** • Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Fatimah
- 30hb** • Bicara Intelek Oleh Dato' Rektor KUIS

# Pelajar Komunikasi KUIS Menang Anugerah Kertas Seminar Terbaik

Pembentangan kertas seminar bertajuk "Bunga Raya: Pengukuhan Jatidiri Pelajar KUIS melalui Pelestarian Alam Sekitar" oleh Wawarah Saidpuddin (Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran), Semester 2) telah berjaya memenangi anugerah "The Best Seminar Paper" sempena penganjuran program "The Corporate Social Responsibility (CSR) Efforts by University for the Environment" oleh USM pada 13-14 Mac yang lalu.

"Kajian ini dijalankan berdasarkan empat objektif utama iaitu untuk mengenalpasti keprihatinan pelajar KUIS terhadap kelestarian alam sekitar dan juga jatidiri pelajar KUIS terhadap kesan penanaman Bunga Raya," kata Rahmahtunnisah Hj. Sailin selaku Pensyarah Jabatan Komunikasi merangkap ketua projek.

Menurut beliau, menerusi kajian ini kita dapat mengenalpasti perkaitan antara keprihatinan dan jatidiri pelajar KUIS terhadap kelestarian alam sekitar di samping menonjolkan peranan universiti terhadap usaha memelihara alam sekitar khususnya di kampus sebagai satu tanggungjawab sosial universiti.

Kajian berkaitan bunga raya ini diambil berdasarkan pengiktirafan Malaysian Book of Records yang dicipta oleh KUIS menerusi penanaman 2007 batang pokok Bunga Raya dalam masa 50 saat pada 3 Ogos 2007 sempena sambutan bulan kemerdekaan.

Bagi saudari Wawarah Saidpuddin selaku pembentang kajian yang mewakili kumpulan penyelidik lain merasakan bahawa terdapat signifikan unik antara pokok bunga raya ini dengan elemen patriotisme serta pemuliharaan alam sekitar.

"Kami juga melihat bahawa bukan setakat rekod tetapi usaha ini merupakan satu projek yang berjaya mengangkat darjat Bunga Raya sebagai bunga kebangsaan sekaligus memupuk semangat patriotisme dan cintakan alam sekitar. Peristiwa ini seharusnya turut dijadikan teras penghayatan kepada warga

kampus mengenai sejarah, fungsi dan kepentingannya kepada Negara," katanya lagi.

Menurut beliau sebanyak 89.9% responden bersetuju agar para pengusaha kafe di KUIS diwajibkan untuk menggunakan bahan yang tidak mencemarkan alam sekitar dalam operasi mereka dan 90.2% responden pula sangat menyokong agar KUIS menyediakan lebih banyak perunit untuk menyokong program melindungi alam sekitar.

Sementara itu, terdapat perkaitan yang positif dan signifikan di antara tahap keprihatinan pelajar KUIS terhadap pelestarian alam sekitar dan pengukuhan jati diri pelajar KUIS terhadap kesan penanaman Bunga Raya iaitu para aras keyakinan .485\*\*. Ini menunjukkan semakin tinggi keprihatinan pelajar KUIS terhadap pelestarian alam sekitar, semakin kukuh semangat jati diri pelajar KUIS.

Kumpulan penyelidik KUIS yang turut diwakili oleh Adibatul Akmal Abdull Razak, Aida Hj. Kamaruddin, Nor Fairus Hassan dan Ummi Saidatunnur Sahudi telah menjalankan kajian tersebut selama dua bulan melibatkan 350 orang pelajar diploma dan ijazah (tempatan) KUIS sebagai responden.

Sebanyak 12 kertas kerja dibentangkan dalam seminar yang turut disertai oleh IPTA dan IPTS di Malaysia termasuk seorang pembentang dari Universitas Gadjah Mada, Indonesia. Antara IPTA yang turut membentangkan kertas kerja ialah pelajar dari UM, UUM dan USM, manakala wakil IPTS yang turut membentangkan hasil kajian mereka ialah Kolej TAR dan KDU Pulau Pinang.

Dalam seminar yang sama, KUIS turut membentangkan Poster bertajuk Biodiesel: Alternatif Bahan Bakar Organik Mesra Alam, yang dibentangkan oleh Sdr. Yazid b. Zainuddin (Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran) Semester 4).



Para peserta program "The Corporate Social Responsibility (CSR) Efforts by University for the Environment" bergambar kenangan bersama pengaruh di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

## KUIS - KITAB Meterai MoU

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dan juga memorandum perjanjian (MoA) dengan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang dalam bidang akademik dan kerjasama francais.

Menerusi kerjasama itu, pelajar lepasan diploma KITAB layak menyambung pengajian pringkat ijazah sarjana muda dalam pelbagai bidang yang ditawarkan KUIS melalui pemindahan jam kredit.

Selain itu, KUIS turut bersetuju untuk menawarkan program usahasama francais dengan KITAB bagi program-program peringkat ijazah sarjana muda untuk dilaksanakan di Pulau Pinang.

Kerjasama di antara kedua-dua belah pihak telah ditandatangani dalam satu Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan di KUIS baru-baru ini.

Menerusi kerjasama francais ini nanti akan membolehkan pihak KITAB menjalankan program-program yang ditawarkan KUIS kepada pelajar-pelajar di negeri Pulau Pinang.



Meterai... Profesor Dato' Hj Mohd Adanan Isman, Mantan Rektor KUIS (kanan) bertukar dokumen MoU dengan Pengarah Eksekutif merangkap Timbalan Pengerusi KITAB

Selain itu, kerjasama ini juga memberi peluang kepada kedua-dua belah pihak terutama kaitangan akademik untuk menjalankan penyelidikan akademik bersama.

Hadir sama Pengarah Eksekutif merangkap Timbalan Pengerusi KITAB, Dato' Dr Haji Harun Hassan dan Rektor KITAB, Dr Haji Mustapa bin Kassim.

## KUIS Tawar 2,000 Tempat Belajar Sesi Akademik Mei/Jun

**B**ANDAR SERI PUTRA: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menawarkan 2,000 tempat kepada pelajar-pelajar tempatan dan antarabangsa bagi mengikuti 49 program akademik meliputi peringkat diploma, ijazah sarjana muda dan pasca-siswazah bagi sesi akademik Mei/Jun 2010.

Tawaran itu dibuka kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau yang setaraf. Pelajar-pelajar yang telah memiliki diploma dari kolej-kolej swasta juga layak memohon untuk mengikuti kursus di peringkat ijazah.

Menurut kenyataan Pejabat Komunikasi Korporat KUIS, bagi sesi pengambilan pertama pada 3 Mei lalu, sebanyak 576 pelajar telah mendaftar bagi mengikuti pengajian. Manakala pengambilan kedua akan diadakan pada 17 Mei dan 31 Mei ini.

"Sambutan bagi permohonan untuk kemasukan akademik kali ini menggalakkan yang diterima bukan sahaja dari pelajar-pelajar tempatan tetapi juga dari negara-negara luar.

"Buat pertama kali juga empat pelajar dari Kazakhstan telah mendaftar mengikuti program pengajian di Akademi Islam dan Fakulti Pengurusan Perniagaan," kata Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat, Nur Adzlin Ishak dalam satu kenyataannya, di sini.

Nur Adzlin berkata, urusan pendaftaran pada 3 Mei berjalan lancar di Pusat Konvensyen KUIS (PKK) melibatkan kerjasama Fakulti dan jabatan di KUIS. Timbalan Rektor (Mahasiswa dan Alumni), Haji Mohd Khairi Husin telah menyampaikan taklimat kepada ibu bapa di Dewan Teater KUIS.

KUIS telah menjalankan kempen promosi dan pemasaran sepajang tahun di seluruh negara bagi menarik kemasukan pelajar di samping pengiklanan melalui media cetak dan elektronik serta internet.

Nur Adzlin berkata, sehingga kini KUIS mempunyai lebih 7,000 pelajar dan daripada jumlah itu kira-kira 250 orang adalah pelajar antarabangsa.

"Kita yakin sesetengah pelajar masih belum membuat

pilihan muktamad kerana menunggu jawapan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di samping memikirkan tawaran daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

"KUIS merupakan destinasi pilihan belajar yang menarik kerana lokasi yang strategik, kepelbagaiannya program akademik dan brand name yang semakin dikenali umum," katanya.

Menurutnya, KUIS juga sentiasa memastikan penawaran program akademik mendapat perakuan akreditasi Majlis Kelayakan Malaysia (MQA) bagi memastikan aspek kualiti dipelihara dan melakukan penambahbaikan berterusan melibatkan kemudahan pengajaran & pembelajaran, prasarana, kualiti tenaga akademik, asrama dan perpustakaan.

Nur Adzlin berkata, sokongan berterusan pihak stakeholder seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan kerajaan negeri Selangor sendiri menjadi pemangkin yang mempertingkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi KUIS.



BERSEMANGAT... Pelajar-pelajar baru KUIS mendaftar pada 3 Mei di Pusat Konvensyen KUIS.



**DAPATKAN**  
**BUKU TERBARU TERBITAN KUIS!**  
**Perbendaharaan Al-Quran**  
**Jilid ke 5**



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA  
[www.kuis.edu.my](http://www.kuis.edu.my)

Tel : +603-89254251  
Faks : +603-89268462  
E-mel : [info@kuis.edu.my](mailto:info@kuis.edu.my)



MS ISO 9001:2008 REG NO. AR 3018